

<b>TARIKH</b>	RABU, 1 FEBRUARI 2023
<b>AKHBAR</b>	KOSMO
<b>TAJUK ARTIKEL</b>	PERKASA ISLAM MENUJU MALAYSIA MADANI
<b>M/S</b>	5
<b>BIDANG</b>	MANAGEMENT
<b>KATA KUNCI</b>	



MOHD. NA'IM (tengah) bergambar bersama hadirin selepas Majlis Perhimpunan Agensi di bawah Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) di Kompleks Islam, Putrajaya semalam. – FAISOL MUSTAFA

## Mampu dicapai melalui 5 teras Transformasi Al-Falah

# Perkasa Islam menuju Malaysia Madani

Oleh **AMREE AHMAD**

**PUTRAJAYA** – Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bakal melaksanakan Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia Madani atau Al-Falah bermula tahun ini.

Menterinya, Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, pelan berkenaan mengandungi lima teras selain 10 fokus gerak kerja dan juga lima nilai inisiatif utama yang sesuai serta praktikal dilaksanakan dalam tempoh lima tahun sehingga 2027.

"Pelan gerak kerja bersama ini diterbitkan hasil beberapa proses libat urus pihak Pejabat Menteri dengan ketua-ketua dan wakil dari semua 14 buah agensi hal ehwal Islam," jelasnya.

Beliau mengumumkan pelan

itu ketika berucap menyampaikan amanat sempena Perhimpunan Agensi Di Bawah Menteri itu di Kompleks Islam, di sini semalam.

Visi Membangun Malaysia Madani telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Januari lalu untuk mencipta lonjakan dan membina kekuatan negara.

Mengulas lanjut, Mohd. Na'im berkata, konsep Madani yang diperkenalkan kepimpinan negara bukan istilah asing, malah ia bersumberkan falsafah kenegaraan menurut ajaran Islam.

"Justeru, Al-Falah merealisasikan gagasan Malaysia Madani dengan diubah berasaskan kepada semangat seruan azan, Hayya 'alal falah, untuk kita menuju kejayaan," katanya.

Menerusi pelan transformasi

itu, beliau mengajak seluruh warga kerja agensi hal ehwal Islam itu berganding bahu bersama bagi membina semula kegemilangan tamadun ummah.

Beliau merujuk teras pertama Al-Falah yang akan memfokus dua gerak kerja besar iaitu pengislahan dasar tadbir urus institusi serta pemantapan penyelidikan dan persuratan.

Begitu juga empat teras yang lain iaitu memperkasakan kesejahteraan insan, mengangkat kemuliaan syariah, kepimpinan berdaya cipta dan memelihara kehormatan institusi.

Beliau juga optimis, Al-Falah dapat memastikan segala kemudahan hal ehwal Islam dalam keadaan terbaik sebagai pusat ibadah, tarbiyah dan dakwah untuk masyarakat.

**DISEDIAKAN OLEH**

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM